

02 JUN 1999

MAHATHIR-MIYAZAWA

JEPUN AKAN FLEKSIBEL KPD BON KEDAULATAN TERBITAN NEGARA ASIA

Oleh: Khairdzir Yunus

TOKYO, 2 Jun (Bernama) -- Jepun memberi jaminan kepada Malaysia bahawa ia akan fleksibel dalam tawarannya untuk membantu negara-negara Asia yang dilanda kemelesetan apabila negara terbabit menerbitkan bon kedaulatan menerusi sebahagian jaminan, kata Naib Menteri Kewangan Jepun bagi Hal Ehwal Antarabangsa Eisuke Sakakibara.

Katanya beliau telah memberikan jaminan itu ketika bertemu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir di sini, hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas pertemuan itu, Sakakibara berkata: "Saya telah menjelaskan fasa kedua Pelan Miyazawa di mana ia adalah sebahagian jaminan daripada bon kedaulatan sehingga AS\$17 bilion."

"Perdana Menteri memberitahu saya bahawa beliau berminat dan akan meneruskan usaha itu. Saya juga memberitahu Perdana Menteri bahawa kami fleksibel terhadap bagaimana untuk menggiatkan sebahagian jaminan itu," katanya.

Sakakibara menambah: "Tetapi jika skim itu boleh membantu Malaysia mengumpulkan modal pada kos yang murah, kami akan mempermudahkannya.

Menteri Kewangan Jepun Kiichi Miyazawa menyatakan pada 15 Mei lalu bahawa Jepun akan membentuk dana jaminan bernilai AS\$3 bilion dengan Bank Pembangunan Asia (ADB) untuk menyokong bon kedaulatan yang diterbitkan oleh negara-negara Asia.

Beliau berkata sebahagian jaminan bon kedaulatan itu mungkin berfungsi sebagai pemangkin bagi memulihkan kredibiliti penerbitan bon pada kos yang rendah.

Jepun juga akan menyediakan AS\$230 juta kepada ADB, untuk memberi bantuan wang pembayaran faedah dan meluluskan perundangan yang akan membolehkan Import-Export Bank Jepun menjamin bon kedaulatan yang akan diterbitkan oleh ekonomi-ekonomi sedang muncul atau membelinya secara terus.

Negara itu akan menyediakan dana AS\$3 bilion itu pada Oktober untuk memberi jaminan bon kedaulatan yang diterbitkan oleh negara-negara Asia dan jaminan itu bagi tempoh dua-tahun.

Penerbitan bon itu oleh ekonomi-ekonomi Asia yang dilanda krisis dengan sokongan Jepun akan menyediakan satu alternatif bagi rantau ini untuk menyerap lebih banyak dana daripada hanya semata-mata bergantung kepada sistem perbankan.

Dijangkakan AS\$17 bilion daripada hutang kedaulatan jangka panjang boleh dikumpulkan daripada pasaran menerusi instrumen baru itu.

-- BERNAMA

KHY ZK MA